

# Pinda Akta Perikanan demi keadilan semua pihak

BH 02/07/24 mlb 14

**Akta** Perikanan 1985 yang wujud lebih 20 tahun akan dipinda pada sesi Parlimen akan datang bagi memberi keadilan kepada semua pihak, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Beliau berkata, tumpuan pindaan itu nanti bagi menangani isu membabitkan hal ehwal nelayan kecil dan besar, lesen dan lokasi tangkapan hasil laut.

Beliau berharap, pindaan itu dapat memberi keadilan kepada semua pemegang taruh.

“Kita akan pinda Akta Perikanan secara menyeluruh pada sesi Parlimen akan datang. Akta Perikanan ini lama (wujud) lebih 20 tahun.

“Pindaan merangkumi hal nelayan kecil dan nelayan pukut besar, bot besar serta daerah penangkapan (hasil laut) serta sebagainya.

“Ia supaya tindakan dapat diambil dengan baik. Kita cuba memberi keadilan kepada semua pihak,” katanya pada sesi pertanyaan lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian men-

jawab soalan dikemukakan Dr Ahmad Fakhruddin Fakhruddin (PN-Kuala Kedah), adakah Kementerian bercadang menyemak semula syarat pemberian lesen kategori nelayan kecil bagi memudahkan perolehan lesen kepada mereka.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, pihaknya turut menjalankan operasi pemutihan lesen sampan yang dijalankan setiap tahun.

Pada masa sama, pihaknya juga meluluskan lesen sampan membabitkan 6,000 permohonan dalam tempoh 2021 hingga 2024.

“(Pemutihan membabitkan) Antaranya ada nelayan meninggal dunia. Kita juga bincang (dalam mesyuarat) Kabinet baru-baru ini mengenai tekong. Tekong bot ini lagi tua lagi berpengalaman.

“Kadang-kadang umur 60 tahun kita suruh dia bersara, tetapi lagi lama di laut, lagi berpengalaman dan kita perlukan tekong seperti ini. Jadi lesen ini, pemutihan sedang dibuat. Akta menyeluruh akan dipinda pada mesyuarat (Parlimen) akan datang,” katanya.